



## KENYATAAN MEDIA

**Tajuk : Seminar Peranan Penjawat Awam Belia Dalam Memutuskan Rantaian Rasuah**  
**Tarikh : 13 September 2022 (Selasa)**  
**Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**

---

1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Unit Integriti KBS dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Seminar Peranan Penjawat Awam Belia Dalam Memutuskan Rantaian Rasuah pada 13 September 2022 (Selasa) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker,
2. Seminar yang dilaksanakan ini merupakan kerjasama strategik antara pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan IYRES bersama pihak JPA, SPRM dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang objektifnya adalah untuk memberi pendidikan, penerangan dan informasi berkenaan isu rasuah dalam kalangan penjawat awam terutamanya golongan belia. Selain itu, seminar ini juga merupakan satu platform kepada penjawat awam terutamanya belia untuk memberi idea, pandangan dan cadangan berhubung isu rasuah dalam kalangan penjawat awam. Akhirnya, seminar ini dapat mengumpul dan merumuskan idea, pandangan serta cadangan dalam kalangan peserta untuk

diketengahkan input kepada kerajaan sebagai rujukan membanteras rasuah dalam kalangan penjawat awam.

3. Di samping itu, program yang diadakan ini merupakan sokongan kepada pelaksanaan inisiatif 2.4.12 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu “Mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal (remaja tercicir) melalui kelab, persatuan dan organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus dan Antirasuah”. Tujuan utama pelaksanaan seminar ini diadakan adalah sebagai platform kepada masyarakat dan khususnya Penjawat Awam Belia bagi meningkatkan ilmu dan kesedaran berkaitan isu jenayah rasuah atau salah laku lain dalam kalangan masyarakat.
  
4. Baru-baru ini, kenyataan media di pelbagai akhbar yang mendapati 88 peratus daripada pemberi rasuah yang didapati bersalah antara tahun 2010 hingga tahun 2014 adalah bukan Melayu. Namun, tuduhan terhadap masyarakat bukan Melayu sebagai antara punca kepada gejala rasuah dalam negara ini tidak perlu dipolemikkan kerana telah berleluasa di negara ini tanpa batas bangsa mahupun agama. Dapatan dari kajian itu juga mendapati, antara faktor utama pemberi rasuah melakukan penyogokan adalah kerana mahu melepaskan diri dari hukuman, sama ada berupa denda atau penjara mahupun ingin mendapatkan keutamaan dalam sesuatu keputusan oleh agensi kerajaan seperti berkaitan tender perolehan dan seumpamanya. Dalam kalangan penerima pula, SPRM melaporkan bahawa, faktor mahu mengekalkan gaya hidup mewah dan terbeban dengan hutang antara punca utama penjawat awam terlibat dengan rasuah.

5. Melalui petikan ucapan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bersempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-18 pada 30 Ogos 2022 yang lalu menyatakan bahawa jika dasar yang disampaikan kepada rakyat adalah bagus, namun sekiranya penjawat awam tidak melaksanakan dengan penuh iltizam dan berintegriti, ia tidak akan memberi apa-apa makna.
6. Tambahan pula, kerajaan telah memperkenalkan Etika Perkhidmatan Awam (EPA) yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan awam yang terbaik kepada rakyat. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa, serta mengekalkan dan memelihara kepercayaan dalam menjalankan tugas serta mewujudkan suasana yang sihat dan cekap.
7. Merujuk kepada statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun 2018 telah menunjukkan bahawa 54 peratus daripada 1,267 orang yang ditahan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 merupakan golongan belia yang berumur dalam lingkungan 40 tahun ke bawah. Manakala, statistik dariapda SPRM pada tahun 2021 menunjukkan bahawa 2,968 individu berumur 40 tahun ke bawah telah disabitkan kesalahan berkaitan kegiatan rasuah dalam tempoh enam (6) tahun bermula tahun 2015 hingga 2020. Berdasarkan statistik tersebut, jumlah tangkapan paling tinggi dilakukan dalam tempoh enam tahun tersebut adalah pada tahun 2020 iaitu seramai 531 orang.
8. Disamping itu, tema Hari Belia Negara 2022 iaitu "Ini Masa Kita" adalah satu fakta yang sangat penting. Inilah masanya sebagai Penjawat Awam Belia perlu diberi

penekanan tentang pengetahuan mengenai kesan dan akibat rasuah terhadap prestasi pendidikan dan pertumbuhan ekonomi serta imej negara. Mereka perlu didedahkan dengan fakta yang tepat mengenai gejala rasuah yang mampu merosakkan masa depan pendidikan dan kerjaya mereka. Malah, pengaruh rasuah, secara tidak langsung juga akan menjejaskan objektif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk melahirkan pemimpin belia yang cemerlang serta berintegriti tinggi.

9. Akhirnya, melalui hasil perkongsian idea, pandangan dan pendapat Seminar Peranan Penjawat Awam Belia Dalam Memutuskan Rantaian Rasuah akan dirumuskan sebagai satu resolusi input untuk rujukan pembangunan kesejahteraan belia di peringkat Nasional serta memberi impak yang lebih signifikan terhadap strategi bersepadu dalam usaha memutuskan rantai rasuah kepada masyarakat khususnya penjawat awam belia.

---

UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN SEMINAR PERANAN PENJAWAT AWAM BELIA DALAM MEMUTUSKAN RANTAIAN RASUAH BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT SEPERTI DI BAWAH :

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)  
13 SEPTEMBER 2022**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Unit Komunikasi Korporat, IYRES  
Tel: 03 - 8871 3590 / 018 - 6696507**

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**

**Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.